

25 AUG 2003

Mahathir-Belanjawan

DR MAHATHIR BENTANG BAJET 2004 PADA 12 SEPT

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual membentangkan Bajet 2004 di Parlimen pada 12 Sept ini.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen, Ishak Momin, berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Rakyat akan bermula 2 Sept dan berakhir pada 6 Nov.

Mesyuarat Dewan Rakyat selama 40 hari itu akan membahaskan sembilan rang undang-undang yang dibawa ke hadapan dari mesyuarat kedua.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Bank Negara (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003.

Ishak berkata terdapat juga tiga rang undang-undang kerajaan untuk bacaan kali pertama iaitu Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2003.

Dua Rang Undang-undang kerajaan untuk bacaan kali kedua pula adalah Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2003.

Dewan Negara pula dijadual bersidang selama 12 hari dari 3 Nov hingga 20 Nov. Kedua-kedua dewan itu bersidang setiap Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis dari 10 pagi hingga 5.30 petang.

Ishak berkata terdapat 970 pertanyaan lisan dan 175 pertanyaan bertulis bagi dijawab pada persidangan kali ini.

Dewan Rakyat kini mempunyai 152 wakil daripada Barisan Nasional (BN), 26 PAS, 10 DAP dan lima Parti Keadilan Nasional.

-- BERNAMA

SSA AHH MAI